

**Sekolah Vernakular Akan Jarakkan Rakyat, Kata Tun Dr Mahathir
Bernama
20 Jun, 2012**

PUTRAJAYA, 20 Jun (Bernama) -- Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata kewujudan sekolah vernakular akan menjarakkan rakyat dan menyekat perpaduan dalam kalangan penduduk pelbagai kaum di negara ini.

Katanya cadangan penubuhan sebuah sekolah tinggi Cina persendirian baru di Kuantan mungkin memberi kesan serupa.

"Kita telah menerima sejak awal lagi bahawa sekolah vernakular boleh ditubuhkan oleh pelbagai masyarakat dan ini menyebabkan golongan muda kita tidak belajar bersama-sama.

"Sekiranya kita mengiktiraf pendidikan Cina dan sijil mereka dan sebagainya, maka kita akan ada tiga rakyat berlainan, dengan setiap satu bercakap dalam bahasa berbeza. Malah, saya berpendapat kita tak akan dapat hidup bersama sekiranya kita tidak memahami satu sama lain," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian selepas melancarkan Pertandingan Menulis Esei Yayasan Kepimpinan Perdana-Yayasan Maybank 2012, di sini, Rabu.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek baru-baru ini dilaporkan berkata beliau berharap sekolah itu mendapat kelulusan untuk ditubuhkan dalam tempoh dua minggu akan datang.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=674480>